



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	ACTION AGAINST THOSE WHO LEAVE 'GHOST NETS', NEWS WITHOUT BOARDERS, THE SUN -4 PUKAT HANTU: TINDAKAN TEGAS TERHADAP NELAYAN - SALAHUDDIN, NEWS, ASTRO AWANI -7 SIM: ABUSE OF POWER AND MONOPOLY ARE MAIN CAUSE OF FOOD PRICE HIKE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A2 POLIS TERIMA 24 LAPORAN, NEWS, HM (JOHOR) -20 24 POLICE REPORTS IN TG PIAI BY ELECTION RECEIVED, HOME, BORNEO POST (KK) -2 JOHOR POLICE CHIEF: POLICE RECEIVE 24 REPORTS, INVESTIGATION TO LAUNCH FOR 3 CASES, NEWS, GUANG MING DAILY -A8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
7.	TIADA MAAF NELAYAN TERBABIT ISU PUKAT HANTU, NASIONAL, BH -57	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8. 9. 10.	DASAR SEKAT MONOPOLI KARTEL DIGUBAL, NASIONAL, BH -54 MAMPU LONJAK EKONOMI NEGARA, NASIONAL, SH -11 NAFAS SERAH ZAKAT, SUMBANGAN KEPADA PELADANG, NASIONAL, SH -11	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	ESTET PADI PERTAMA GUNA TEKNOLOGI DRON, NEGERI, SH -35 BERI LEBIH TUMPUAN SEKTOR PERTANIAN: ANWAR, NASIONAL, BH -54 AL FALAH MINI MART BANTU ARMALAH, NEGERI, HAKAKAH -N16 INOVASI PERTANIAN RUANG TERHAD, DIDIK, BH -11 PAS DUNGUN GOTONG ROYONG BINA WAKAF NELAYAN, FOKUS, HAKAKAH -F7 NASIB BELIA TERABAI DI BAWAH PH, NASIONAL, HAKAKAH -N8	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

ACTION AGAINST THOSE WHO LEAVE 'GHOST NETS'

PONTIAN: Fishermen who are found to intentionally leave behind their fishing nets in the sea and which become ghost nets will face stern action, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub. He said the irresponsible act of some fishermen could disturb and kill marine life. "Ghost nets are not a new issue. Those who are found to violate the terms (of fishing), will face legal action. I will use my discretion and existing regulations, but for repeat offenders, there is no forgiveness," he told reporters after attending a session with fishermen at Kampung Sungai Chengkeh, some 35 minutes away from Pontian town, yesterday. Ghost nets refer to fishing nets that have been abandoned or lost in the sea where it can pose a threat to marine life including corals which will eventually destroy fishery resources. – Bernama

Headline	Pukat hantu: Tindakan tegas terhadap nelayan - Salahuddin		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	11 Nov 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

Pukat hantu: Tindakan tegas terhadap nelayan - Salahuddin

PONTIAN : Tindakan tegas akan diambil terhadap nelayan yang didapati sengaja meninggalkan pukat mereka di laut sehingga menjadi 'pukat hantu', kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata perbuatan segelintir ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Sim : Abuse of power and monopoly are main cause of food price hike		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	11 Nov 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A2	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	76 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 357
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,071



沈志勤:食品价格上涨 滥权及垄断联盟是主因

(吉隆坡10日讯)农业及农基工业部副部长沈志勤揭露,滥权及垄断联盟是我国食品价格上涨的主因。

大马在2017年进口的食品甚至还包括一些在大马也有生产的商品,总值接近520亿令吉。

他周日在士拉央出席全国农民协会(NAFAS)的活动时说,“这个成本很高,因为出现滥权和垄断联盟导致食品价格上涨。”

他也透露,“我们正在探讨解决方案,让食品价格能够被调降。”

谈到大马食品进口偏高,沈志勤也呼吁本地农民把握机会打入相关市场。

他指出,大马进口的牛肉和水牛肉就总值24亿令吉,而新鲜鱼类的进口则有21亿令吉。

其他大马进口的食品包括羊肉(7.92亿令吉)、辣椒(2.44亿令吉)、蔬菜(4.62亿令吉)、黄瓜(1200万令吉)、包菜(1.67亿令吉)。

沈志勤当时是回应士拉央国会议员梁自坚在场所提出的食品成本上涨问题。#

Headline	Polis terima 24 laporan		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	11 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	22,187
Page No	20	Readership	66,561
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,155
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,465



Polis terima 24 laporan



Johor Bahru: Polis menerima 24 laporan sepanjang lapan hari kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Kamarudin Md Din berkata, daripada jumlah itu, hanya tiga kertas siasatan sudah dibuka.

“Setakat ini, kita terima 24 laporan polis dan daripada jumlah itu, tiga kes kita sudah buka kertas siasatan.”

“Salah satu daripadanya berkaitan kejadian *billboard* parti Gerakan yang dipasang di Jalan Kukup, Pontian dan bendera parti itu dicabut di Kampung Kebun Baru Permas.

“Kami juga membuka kertas siasatan terhadap kes membabitkan kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Ta-

ni (Datuk Seri Salahuddin Ayub) yang berunsur hasutan.”

“Kes ini kita siasat mengikut Seksyen 4a(1) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954,” katanya pada sidang media selepas majlis Perhimpunan Bulanan bagi November 2019 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, semalam.

Beliau berkata, satu kes kini dirujuk ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membabitkan kes calon Barisan Nasional (BN) dan satu lagi kes dirujuk ke Jabatan Peguam Negara berhubung kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

“Kita rujuk kes kenyataan Ahmad Zahid berkaitan isu basikal lajak iaitu tentang pertuduhan di mahkamah kepada Jabatan Peguam Negara,” katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, tiada sebarang tangkapan dibuat setakat ini sepanjang kempen PRK Parlimen Tanjung Piai berlangsung.

Satu kes kini dirujuk ke SPRM

Headline	24 police reports on Tg Piai by-election received		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	11 Nov 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	58 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 162
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 486



24 police reports on Tg Piai by-election received

JOHOR BAHRU: A total of 24 police reports had been received by the Royal Malaysia Police (PDRM) regarding the Tanjung Piai (P165) by-election.

Johor Police Chief, Datuk Mohd Kamarudin Md Din however said so far only three investigation papers had been opened.

He said that among the cases that had been opened for investigation included the case

of party flags which had been installed but were reported to have been pulled out around Kebun Kampung Baru Permas.

"Consequently, the case on the statement by the Agriculture and Agro-based Industry Minister (Datuk Seri Salahuddin Ayub) which carried seditious elements was still under investigation under Section 4A (1) Election Act 1954.
- Bernama

Headline	Johor Police Chief: Police receives 24 reports, investigation to launch for 3 cases		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	11 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A8	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,424
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,273



柔總警長：競選第二週 警接24投報開檔查3案

(新山10日訊)柔佛州總警長拿督卡瑪魯丁披露，丹絨比艾補選競選期進入第二週以來，警方已接獲24宗投報，而警方僅開檔調查3起案件。

卡瑪魯丁指出，警方正在調查的案件，包括農業及農基部長發表的言論、巫統主席拿督斯里阿末扎希針對蚊型腳車判決的言論，以及國陣候選人被指賄選的事件，此外，還有候選人大型看板被推倒的投報。

各陣營越來越激進

卡瑪魯丁說，隨著競選活動日趨火熱，當局發現各陣營展開的活動也有越來越激進的傾向，因此他促請各造務必遵守選舉法令。

不過，他受詢時披露，截至目前警方並沒有接獲涉及打鬥及有關種族事件的投報。

他今日是在柔州警察總部舉行的常月集会后，在記者會上如是指出。

他披露，本月12日，共有280名警員將在丹絨比艾提前投票。(LSL)



■卡瑪魯丁指出，警方截至目前已接獲24宗涉及丹絨比艾補選的投報，他促請參與補選活動的各陣營務必遵守選舉法令。

'Pukat hantu' bunuh sumber marin negara



Salahuddin bersama nelayan yang hadir pada majlis ramah mesra di Pontian, semalam.

(Foto BERNAMA)

Tiada maaf nelayan terbabit isu pukat hantu

Kerajaan
bertindak
tegas, elak
aktiviti jejas
ekosistem laut

Oleh Junita Mat Rasid
junita@bh.com.my

Pontian: Agensi kerajaan akan bertindak tegas dengan nelayan yang didapati menggunakan pukat hantu hingga menjejaskan ekosistem hidupan laut.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata biasanya beliau bertolak ansur dengan ne-

layan tetapi dalam kes yang menjejaskan alam sekitar, agensi kerajaan akan mengambil tindakan yang wajar.

"Dalam lesen memang ada syarat ditetapkan tetapi ada yang melanggar. Kita akan mengambil tindakan tegas.

"Sebagai menteri, saya sentiasa menggunakan budi bicara tetapi kalau kekal ulangi perkara yang sama, maka tiada maaf.

"Memang pukat hantu beri kesan kepada sumber hidupan laut tapi tidak se-ganas pukat harimau.

"Jika masih berterusan, tindakan tegas dikenakan. Kalau buat kali kedua, tiada kemaafan lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra bersama nelayan Peng-

kalan Simpang Kiri, Pengkalan Sungai Boh, Sungai Chengkeh dan Pengkalan Sungai Dinar, di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil.

Beliau berkata demikian mengulas laporan *BH* mengenai kesan pukat hantu yang merosakkan ekosistem hidupan laut dan menjadi antara punca tangkapan hasil laut semakin berkurangan.

Salahuddin berkata, pukat hantu bukan isu baharu dan sejak menerajui Kementerian itu, beliau sudah mengarahkan tindakan tegas dijalankan terhadap mereka yang di-kesan menggunakan pukat berkenaan.

Nasional

Dasar sekat monopoli kartel digubal

Syarikat gergasi kawal import produk pertanian punca sukar kawal harga

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang menggubal dasar untuk menyekat monopoli kemasukan produk pertanian dan perladangan oleh syarikat besar yang mengaut jutaan ringgit menerusi pengimportan makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata kewujudan syarikat yang berperanan seperti 'kartel' dengan menguasai pasaran pertanian menyebabkan kerajaan sukar mengawal harga barang di pasaran.

Apa yang berlaku itu, katanya, belum lagi diambil kira isu pe-nyelewengan dan salah guna kuasa yang sehingga kini belum di-atasi dengan berkesan.

"Kita sedang gubal dasar untuk mengubah subsidi import kepada subsidi bersasar. Daripada memberi monopoli kepada beberapa syarikat, kita cuba beri kepada lebih syarikat untuk masuk ber-saing antara satu sama lain.

"Daripada memberi subsidi ke-pada syarikat besar, kita akan beri terus kepada petani dan peladang, supaya mereka boleh beli bara-ngan import seperti baja, racun dan sebagainya. Ini semua untuk



BAYAR : Anwar-Aznaf Seluruh Negeri Per Selangor

Tze Tzin menyalsikan Anwar menyampaikan replika cek wakalah zakat perniagaan kepada Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawanan Klarig, Murni Suandi untuk diagihkan kepada golongan asnaf Peladang negeri Selangor ketika Program Jalanan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

kurangan harga barang," katanya berucap pada Program Jalanan Mesra Peladang 2019 di Selangor, semalam.

Majlis disempurnakan Ahli Parlimen PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Yang turut sama hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAEAS), Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi.

Tze Tzin yakin peladang dan petani pada masa ini mempunyai kepakaran dalam memajukan pertanian termasuk mengapikasi

penggunaan teknologi.

"Saya tahu setiap peladang mempunyai cara sendiri. Kita beri subsidi terus kepada mereka. Ini dasar yang kita harap mem-beri kuasa kepada peladang supaya memilih yang terbaik untuk pertanian mereka.

"Petani ini semua bijak belaka. Mungkin tidak masuk universiti, tetapi tahu tanaman mereka. Na-mun, sekarang juga ramai yang masuk bidang pertanian adalah mahasiswa dan jurutera.

"Pertanian walaupun tidak di-beri perhatian, ia adalah pernia-

gaan yang sentiasa berkembang. Selagi ada manusia, pertanian ada potensi (ekonomi) yang cukup be-sar," katanya.

Mengikut rekod Malaysia, memperuntukkan RM52 bilion pada 2017 untuk mengimport ma-kanan seperti RM2.1 bilion untuk import ikan segar, RM2.4 bilion (daging lembu dan kerbau) dan RM244 juta (cili).

"Import sangat tinggi ini mem-beri peluang ekonomi kepada pe-tani memasuki medan (dunia per-tanian dan perladangan) dan me-masuki pasaran," katanya.

Mampu lonjak ekonomi negara

Kerajaan perlu tumpu sektor pertanian, perladangan

HIDAYAH HAIROM

BATU CAVES

Kerajaan perlu memberikan tumpuan terhadap pembangunan sektor pertanian dan perladangan yang berpotensi melonjakkan ekonomi negara.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pembangunan fizikal semata-mata tidak cukup untuk merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia yang lebih seimbang.

Menurutnya, sokongan era digital dan teknologi terkini perlu dimanfaatkan supaya golongan nelayan, petani dan peladang lebih berdaya maju serta berkembang dengan lebih pesat.

"Untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara, kalau pembangunan sahaja rancak sekarang dengan mengetepikan golongan ini, ia tidak seimbang dan adil.

"Import bahan makanan dan ternakan sudah terlalu tinggi untuk negara. Dengan penduduk yang ada, kita sudah import RM52 bilion. Ikan segar, baja, sayur, itu terlalu tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selangor di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi serta Pengurus Besar Nafas, Ahmad Shaari.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson berkata, meskipun terdapat agensi yang membuat penyelidikan seperti Institut Penyelidik-



Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Klang, Muner Suandi (tiga dari kiri) menerima replika cek sumbangan wakalah zakat pemalagan Nafas bagi negeri Selangor daripada Anwar (tiga dari kanan) pada program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selangor semalam.



Pengunjung tidak melepaskan peluang membeli ayam yang dijual dengan harga RM6 seekor pada program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selangor.

an dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), hasilnya tidak digunakan dengan sebaiknya untuk dikomersialkan.

"Kita ada penyelidikan yang Mardi buat tetapi tidak dapat diterjemahkan di peringkat komersial. Kita ada Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian yang besar tetapi peranannya tidak diperluaskan," katanya.

Beliau mengakui peruntukan untuk sektor pertanian belum mencukupi.

Justeru katanya, agihan kepada pihak yang lebih wajar perlu diutamakan.

"Dulu, lembaga padi diswastakan,

saya kurang setuju tapi saya desak sebahagian saham diberi kepada Nafas.

"Penanam padi itu membabitkan ahli peladang. Nafas kalau diswastakan diambil pihak swasta, itu akan membabitkan dasar. Sebab itu, Bernas (Padiberas Nasional) setuju untuk mengembalikkan sebahagian saham atau kepentingan kepada peladang dan mungkin Nafas.


"Saya setuju keuntungan dikembalikan kepada penternak dan penanam padi. Sebab itu peranan Nafas penting," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim

Reaksi



Walaupun lokasi pengunjuran Program Jalinan Mesra Peladang di kawasan bandar, namun sambutan daripada pengunjung amat menggalakkan. Ada yang beli dan ada juga yang berminat dan bertanya. Harap akan datang boleh dibuat di daerah-daerah seperti Kuala Selangor atau Ulu Bernam agar mereka yang terlibat dengan sektor ini mengetahui produk yang ditawarkan." -Pengeluar jaring plastik untuk pertanian, perikanan dan kerja sivil, Rosley Kassim



Program begini amat bagus dan perlu dibuat sekerap yang boleh. Mungkin setiap tiga bulan. Kerana kita tahu hasil-hasil produk daripada Peladang contohnya anak pokok adalah jenis yang baik dan ada hasil. Paling penting buat pada tarikh yang sesuai ketika musim gaji misalnya." -Kakitangan kerajaan, Norzalton Md Noor

Tze Tzin berkata, kerajaan merancang mengubah polisi subsidi yang akan diberikan kepada golongan nelayan, penternak dan peladang iaitu daripada subsidi input kepada subsidi output.

Katanya, usaha itu bagi merancang lagi hasil pertanian dan mengurangkan isu harga makanan yang tinggi seterusnya mengurangkan kos import makanan.

"Kita dalam peringkat perancangan menggubal polisi untuk ubah subsidi input kepada subsidi output.

"Kita mahu beri subsidi terus kepada petani dan peladang supaya mereka boleh memilih untuk membeli barangan import seperti benih, racun, baja dan sebagainya," katanya.

Nafas serah zakat, sumbangan kepada peladang

SERAMAI 450 asnaf peladang dari sembilan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Selangor iaitu PPK Gombak Petaling, Hulu Selangor, Hulu Langat, Dengkil, Beranang, Klang, Kuala Langat, Batu Laut dan Sepang menerima sumbangan zakat daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Turut disampaikan, sumbangan pendidikan kepada 18 mahasiswa terdiri daripada

anak-anak ahli peladang yang mendapat keputusan cemerlang, 3.50 CGPA dan ke atas bagi peringkat diploma dan ijazah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Zakat dan sumbangan itu disampaikan sempena Majlis Perasmian Program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu Bandar Baru Selangor di sini semalam.

Penyerahan zakat itu sebahagian daripada wakalah zakat perniagaan Nafas kepada asnaf Peladang di Se-

langor yang menerima wang tunai RM200 setiap seorang dengan nilai peruntukan RM140,000, manakala bagi biasiswa pendidikan, setiap seorang diberikan RM1,000.

Penyampaian sumbangan zakat membuktikan komitmen Nafas memastikan setiap keuntungan daripada aktiviti perniagaan dikongsi bersama ahli Peladang serta ahli keluarga mereka.



Phahrolrazi menyampaikan sumbangan zakat kepada wakil asnaf peladang pada program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selangor semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2019	SINAR HARIAN	NEGERI	35

Estet padi pertama guna teknologi dron

KUALA LUMPUR - Felcra Berhad (Felcra) menjadi perintis Model Pertanian Pintar apabila melaksanakan penyemburan pertanian tanaman padi menggunakan teknologi dron di estet padi Felcra Seberang Perak bermula penghujung November ini.

Teknologi tersebut akan dilaksanakan MATA Aerotech yang dilantik untuk menjalankan mekanisme itu sejajar dengan aspirasi Felcra dalam usaha meningkatkan pencapaian organisasi serta menambah baik kualiti hidup lebih 100,000 warganya di seluruh negara.

MATA Aerotech memaklumkan pelantikan itu susulan daripada memo-

randum persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Felcra dan MATA Aerotech pada 22 Julai lepas.

“Melalui kerjasama ini, MATA Aerotech akan menggunakan teknologi dron untuk penyemburan pertanian tanaman padi di kawasan seluas 1,557 hektar iaitu melebihi 45 peratus daripada jumlah keseluruhan estet padi Felcra Seberang Perak.

“Dengan ini, Felcra Seberang Perak yang merupakan estet padi pertama dan terbesar di Malaysia bakal melakar sejarah dengan penggunaan teknologi dron secara skala yang besar untuk penyemburan pertanian tanaman padi,” menurut kenyataan itu. - *Bernama*



Penggunaan dron untuk penyemburan pertanian tanaman padi di Felcra Seberang Perak akan bermula penghujung November ini.

Beri lebih tumpuan sektor pertanian: Anwar

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu memberi penekanan serta lebih tumpuan terhadap sektor pertanian dan perladangan, termasuk mengenal pasti masalah yang menyebabkan petani dan peladang berdepan kesulitan.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata biarpun sektor pembangunan fizikal penting bagi negara, pertanian juga mempunyai keupayaan melonjakkan ekonomi negara. Katanya, dengan revolusi digital dan teknologi maklumat, ia sebenarnya membimbing perkembangan pertanian menjadi satu bidang maju dan berkembang pesat.

"Untuk menjana pertumbuhan ekonomi, kalau pembangunan saja rancak sekarang, dengan mengutipkan golongan ini, ia tidak akan seimbang.

"Import bahan makanan dan ternakan sudah terlalu tinggi untuk negara.

"Dengan penduduk yang ada, kita sudah import RM52 bilion. Ikan segar, baja, sayur, ini terlalu tinggi," katanya ketika merasmikan Program Jalanan

Mesra Peladang 2019 di sini, semalam.

Anwar berkata, biarpun terdapat agensi yang membuat penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), hasilnya tidak diguna sebaiknya untuk dikomersialkan.

"Kita sedar ada penyelidikan yang MARDI buat, tapi tidak dapat diterjemahkan pada peringkat komersial. Kita ada Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian yang besar, tapi peranannya tidak diperluas (untuk membangunkan sektor pertanian).

**Kita sedar
ada**

**penyelidikan yang
MARDI buat,
tapi tidak dapat
diterjemahkan
pada peringkat
komersial.**

**Anwar Ibrahim,
Presiden PKR**

"Sekarang kita harus ada sikap baharu untuk melonjak hal ini," katanya sambil meminta kerajaan melihat semula keutamaan negara, terutama mengatasi kebergantungan tinggi bekalan import yang menyebabkan pengaliran wang negara ke luar.

Beliau akui biarpun peruntukan diberi kerajaan untuk sektor pertanian belum mencukupi, agihan kepada pihak lebih wajar perlu diberi keutamaan.

"Kalau ada tubuh badan tapi tidak dibantu, dia akan jadi persatuan biasa. Kena pastikan baja diperuntukkan menerusi NAFAS, biar dia hidup. Dulu, lembaga padi diswastakan, saya kurang setuju, tapi saya desak sebahagian saham diberi kepada NAFAS.

"Penanam padi itu membabitkan ahli peladang. NAFAS kalau diswastakan, diambil pihak swasta, ini akan membabitkan dasar. Sebab itu BERNAS (Pasar Beras Nasional) sekarang setuju mengembalikannya balik sebahagian saham atau kepentingan kepada peladang dan mungkin NAFAS," katanya.

Al Falah Mini Mart bantu armalah

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

BACHOK: Kelantan mewujudkan Pusat Pengumpulan, Pemrosesan dan Pembungkusan (CPPC) bagi membantu petani untuk memasarkan produk mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Ustaz Tuan, Mohd Saripudin Tuan Ismail

berkata, CPPC dikendalikan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB).

Katanya, badan itu juga berperanan sebagai pusat latihan bagi membolehkan petani mendalami kaedah pertanian seperti fertigasi dan organik.

"Petani boleh menghantar hasil pertanian dan KPKB akan membantu memasarkan produk ke pa-

saraya," katanya selepas perasmian Pusat Latihan Pertanian al Falah dan pelancaran al Falah Mini Mart di Wakaf Zin Rabu lepas.

Turut hadir Adun Tawang, Dato' Hassan Mohamood; Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan, Engku Rajhan Engku Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif PKINK, Ab Aziz Yunus.

Pada program itu seramai 20 peserta yang terdiri daripada armalah dipilih menjayakan projek perintis al Falah Mini Mart bagi membolehkan mereka membuka perniagaan secara kecil-kecilan.

Peserta terbabit menerima peti sejuk beku dan produk keluaran petani dan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di bawah KPKB.



Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail tertarik semaian pokok jagung secara fertigasi.

Tuan Mohd Saripudin berkata, Mini Mart sebagai program perintis bagi membantu armalah dan golongan muslimat memulakan perniagaan tuncit.

"Mereka menjual produk yang dibekalkan KPKB dan

usahawan IKS di sekitar Kota Bharu," katanya.

Pusat Latihan Pertanian al Falah diurus KPKB memberi latihan kepada individu yang berminat untuk mempelajari teknik pertanian mesra alam.

11/11/2019

BERITA
HARIAN

DIDIK

11

Inovasi pertanian ruang terhad

SK Gadong Jaya
johan Sistem
Porak-E
Kreatif

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
bhdidik@bh.com.my

Labu: Sistem Porak-E Kreatif Sekolah Kebangsaan (SK) Gadong Jaya, di sini, berjaya dinobatkan sebagai johan pada pertandingan reka bentuk Sistem Porak-E Kreatif bersempena dengan Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Guru Besarnya, Puan Zam-mira Ramli, berkata sistem yang dihasilkan oleh dua orang guru bersama-sama dengan empat orang murid Tahun Enam itu mengambil masa selama dua minggu untuk disiapkan.

Katanya, Sistem Porak-E Kreatif itu adalah pendekatan yang sesuai bagi mengatasi masalah kekurangan tanah untuk melakukan aktiviti bercucuk tanam terutamanya di

premis kediaman bertingkat.

"Berdasarkan sukatan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Teknologi Pertanian Tahun Lima dan Enam, murid diajar supaya mengembangkan daya imaginasi dan kreativiti murid termasuk merkabentuk dan membina projek.

"Setiap projek yang dibina mestilah menggunakan pendekatan penyelesaian masalah, seperti Porak-E Kreatif ini dan sudah semestinya ciptaan itu dapat memberi manfaat kepada semua orang," katanya.

"Katanya sebelum ini, pihak sekolah pernah mengusahakan projek porak di kawasan sekolah, namun di atas kawasan bertanah sebelum mencuba sistem Porak-E ini.

Puan Zam-mira berkata, menerusi subjek RBT, murid mereka cipta mini porak dan ke-mudian dipraktikkan sebagai aktiviti harian menanam pelbagai jenis sayuran termasuk di rumah masing-masing.

Katanya, membina Porak-E juga mudah dengan menggunakan peralatan binaan yang mudah didapati dan senang untuk diuruskan oleh murid.



Ciptaan inovasi SK Gadong Jaya menjadi johan bersempena dengan Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan di Kuala Pilah, baru-baru ini.



Murid SK Gadong Jaya memberi penerangan mengenai Sistem Porak-E Kreatif.



PAS Dungun gotong-royong bina wakaf nelayan

Oleh KHAIRUL AZLAM
MOHAMAD

DUNGUN: PAS Kawasan Dungun berjaya menyalakan sebuah wakaf atau bangsal nelayan yang baharu di Teluk Bidara, Dungun bagi menggantikan binaan lama yang rosak teruk.

Ahli Parlimen Dungun, Ustaz Wan Hassan Mohd Ramli berkata, wakaf atau bangsal yang baharu ini bagi kemudahan warga nelayan di Teluk Bidara dan Seberang Pintasan.

Menurutnya, keluhan warga nelayan di kawasan berkenaan telah lama disuarakan tetapi baru hari ini dapat ditunkan.

"PAS Kawasan Dungun melalui Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar (Latas) Dungun dan PAS Cawangan Teluk Bidara, kita sama-sama buat secara gotong-royong untuk dirikan wakaf atau bangsal nelayan yang baharu.

"Saya tahu, sudah lama warga nelayan di sini mengadu. Mereka perlukan sebuah wakaf nelayan yang baru untuk gandi yang lama telah rosak.

"Alhamdulillah, kita buat sama-sama dan ini (wakaf) menelan belanja RM3,000 daripada duit sumbangan orang ramai, mudah-mudah ada keberkatanNya, insya-Allah," ujarnya.

Beliau selaku Yang Dipertua PAS Dungun berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Perasmian Wakaf (Bangsal) Baharu Teluk Bidara, Seberang Pintasan, Dungun, pada 1 November lalu.

Ustaz Wan Hassan berharap, dengan adanya wakaf nelayan yang baharu ini dapat meningkatkan hasil tangkapan laut nanti.

Hadir sama pada majlis itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rantau Abang, Cikgu Alias Harun, Pengerusi Latas Dungun, Zakaria Tahir dan Pengerusi MPKK Teluk Bidara, Mohd Afendi Ngah.

Sehubungan itu, Cikgu Alias merakamkan ucapan syabas dan tahniah kerana atas semangat bersatupadu antara warga nelayan, NGO Latas dan PAS cawangan berjaya menyalakan wakaf atau bangsal itu dalam masa dua minggu.

Katanya, satu unit

lampu 'sportlight LED' turut disumbangkan kepada PAS cawangan Teluk Bidara untuk dipasang di wakaf tersebut.

"Saya melihat semangat kita semua dapat bersatupadu, bergotong-royong untuk menyiapkan sebuah wakaf nelayan yang baharu.

"Selepas ini, sama-samalah kita jaga dan gunakan dengan sebaik mungkin untuk kemudahan warga nelayan di sini, insya-Allah," ujarnya dalam ucapan ringkas.

Pada majlis itu, seramai 30-orang warga nelayan terpilih menerima sumbangan barangan dapur daripada Latas dan disempurnakan oleh Ustaz Wan Hassan.

'CERIA'...Warga nelayan Teluk Bidara, Seberang Pintasan gembira dapat wakaf nelayan baharu berharga RM3,000.



YDP PAS Dungun, Ustaz Wan Hassan (kanan) menyampaikan satu unit lampu 'sportlight LED' kepada PAS Cawangan Teluk Bidara.



Ustaz Wan Hassan sedang memasang papan nama wakaf nelayan.



Ustaz Wan Hassan sedang memasang papan nama wakaf nelayan.

Nasib belia terabai di bawah PH

Oleh AZIZ MUDA

LANGKAH kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang memberikan peruntukan RM138 juta dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11 Oktober lalu untuk pembangunan belia menerusi Kelab Pemuda Belia (YPC) dilihat amat aneh oleh orang ramai.

Ini kerana YPC yang baru sahaja ditubuhkan di bawah Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang juga Ketua Armada bagi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), sementara pemimpin-pemimpinnya adalah ketua-ketua pemuda PPBM.

Persoalan yang timbul dari kalangan orang ramai, kalau mereka ikhlas hendak membangunkan belia, kenapa hendak menggunakan YPC. Kenapa tidak menggunakan Majlis Belia Malaysia (MBM) yang telah dimaktubkan dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.

Oleh itu, MBM yang sepatutnya diiktiraf oleh kerajaan sebagai satu badan induk yang mewakili pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini, bukannya YPC yang baharu ditubuhkan itu dan penubuhannya pula penuh dengan tanda tanya dari kalangan rakyat negara ini.

Sehingga kini terdapat 41 pertubuhan belia di bawah MBM termasuklah pertubuhan yang terkenal dan majlis-majlis belia negeri yang ada ratusan cawangan di seluruh negara termasuk Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), pengakap, pandu puteri dan sebagainya.

Kerajaan yang lalu memang telah memperkasakan pertubuhan-pertubuhan belia itu. Apa juga program dan agenda pembangunan atau pemeraksanaan belia, kerajaan perlu memanfaatkan pertubuhan-pertubuhan belia yang memang mempunyai program-program yang telah dilaksanakan.

Tambahan pula, pertubuhan-pertubuhan itu memang ada di seluruh negara berbanding dengan YPC yang terjat dalam perang persepsi, apabila kebanyakan mereka adalah ketua-ketua pemuda PPBM, di samping YPC itu sendiri yang baharu sahaja ditubuhkan dan tidak jelas peranannya.

Malah, sehingga kini YPC itu juga diyakini belum terdapat di seluruh kawasan Parlimen di seluruh negara. Sebaliknya, pertubuhan tersebut turut diyakini banyak pihak hanya akan dijadi sebagai satu platform yang bersifat parti politik.

Berdasarkan undang-undang, sememangnya tidak terdapat sebarang masalah untuk belia berpolitik. Namun yang dipersoalkan oleh orang ramai ialah niat



Kompen rasmi Salahuddin di Tanjung Plai amat dikesali.

kerajaan PH itu sendiri yang jelas bersifat partisan.

Pada hal, pelbagai pihak sedar bahawa agenda pembangunan belia tentunya jauh lebih besar dan murni sifatnya, berbanding langkah kerajaan PH yang hendak dipolitikkan perkara itu untuk agenda satu-satu parti sahaja.

Bertolak daripada realiti itu, tidak hairanlah jika pelbagai pihak mendesak dan menggesa kerajaan mempertimbangkan kembali langkahnya untuk menyalurkan RM138 juta itu kepada YPC.

Kerajaan seharusnya menjadikan MBM dan pertubuhan-pertubuhan belia yang telah ada yang sememangnya telah ditubuhkan mengikut undang-undang yang sah itu untuk dijadikan platform sebagai rakan kongsi dalam pem-

Berdasarkan undang-undang, sememangnya tidak terdapat sebarang masalah untuk belia berpolitik. Namun yang dipersoalkan oleh orang ramai ialah niat kerajaan PH itu sendiri yang jelas bersifat partisan.

cenderung untuk menjaga kepentingan parti mereka sendiri, sehingga menjadikan Bajet 2020 yang dibentangkan itu disifatkan oleh sesetengah pihak sebagai 'useless budget' atau bajet yang tidak berguna kerana tidak terjangkau secara menyeluruh walaupun ada peningkatan dalam aspek tertentu.

Walaupun pada dasarnya tidak wajar perkataan 'useless' digunakan terhadap bajet itu, namun setelah diperhalusi tidak ada perkataan lain yang boleh diambil oleh kebanyakan pihak atau yang boleh disebut mengenai bajet tersebut.

Tambahan pula, bajet yang dibentangkan oleh kerajaan PH pada 11 Oktober lalu itu ternyata hanyalah pembentangan bajet yang memamirkan angka dan memaikan ayat-ayat tertentu untuk membeli jiwa netizen terutama golongan muda, masyarakat kampung, petani dan sebagainya.

Kononnya itulah bajet yang ditunggu-tunggu oleh mereka. Itulah bajet yang dibawa oleh

Selain para rielayan, petani, penoreh getah, golongan buruh, para penerokan Felda, mereka yang berada dalam kumpulan B40 dan M40 yang tidak terbeli, para peniaga terutama peniaga-peniaga bumiputera yang termasuk dalam kategori Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga ternyata terbiar kerana tidak diberikan peruntukan yang sewajarnya untuk membantu mereka menerusi bajet tersebut.

Walaupun terdapat juga peruntukan untuk IKS bumiputera, tetapi peruntukan yang diberikan ternyata tidak adil kerana para peniaga Cina mendapat peruntukan 100 peratus tetapi para peniaga Melayu hanya diberikan peruntukan 50 peratus, manakala para peniaga India pula hanya 25 peratus.

Begitu juga dalam bajet pendidikan yang ternyata lebih memihak kepada pendidikan Cina, berbanding dengan sekolah kebangsaan yang mempunyai jumlah jauh lebih besar berbanding sekolah-sekolah Cina.

bukan sekadar ketiadaan pendidikan percuma yang dijanjikan, tetapi juga tiada sebarang bantuan lain kepada mereka termasuk kupon dan bantuan-bantuan pelajaran yang sewajarnya ditimati oleh para pelajar di IPT.

Sedangkan, kerajaan sepatutnya mengemukakan belanjawan tanpa mengeneipkan hak, tanpa mengeneipkan peluang-peluang dan juga melakukan pembelaan kepada semua kaum berbanding dengan Belanjawan 2020.

Janji baharu di Tanjung Plai

Kini sempena kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Plai, pemimpin-pemimpin PH tergamak pula menabur janji baharu kepada para pengundi di kawasan itu termasuk pendidikan percuma sehingga para belia memperoleh ijazah pertama atau sarjana muda mulai tahun depan.

Antara yang membuat janji baharu itu termasuklah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Salahuddin Ayub yang juga Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (PAN) dalam satu perjumpaan tertutup dengan pengundi di Tanjung Plai.

Selain itu, seperti video yang tular dalam internet dan media baharu, beliau turut menghasut serta membuat tuduhan yang tidak berasas dan rasis dengan menuduh negara akan huru-hara jika kuasa diberikan kepada Barisan Nasional (BN) kerana BN berkawan dengan PAS.

Tuduhan tersebut sangat tidak betul serta salah dan ia merupakan suatu sangkaan jahat daripada seorang menteri kerajaan PH. Rekod Malaysia di bawah BN sangat jelas, negara berada dalam keadaan aman dan pesat membangun.

Begitu juga dengan PAS. Sejak PAS memerintah Kelantan dan Terengganu langsung tidak ada huru-hara yang tercetus sejak duju hingga sekarang. Ini jelas membuktikan tuduhan Salahuddin itu tidak tepat, rasis dan bersifat menghasut.

Sebaliknya pula, setelah memercintahkan negara bertukar kepada PH, keadaan dalam negara ternyata semakin buruk angkara sipak para pemimpin PH terutama DAP sehingga ada pemimpin DAP yang terlibat dengan kumpulan penganas, Kumpulan Barisan Hariman Pembebasan Tamil Eelam (LTTE), menyebarkan fahaman komunis, menghina Islam, menghina Nabi Muhammad s.a.w. dan mempertikalkan kontrak sosial.

Mereka juga kini tergamak pula menabur janji baharu kepada para pengundi di Tanjung Plai, sedangkan janji-janji lama mereka pun belum berjaya dilaksanakan lagi, apatah lagi untuk melaksanakan janji baharu.



Kanapa peruntukan belia disalurkan melalui YPC, bukan melalui MBM.

bangunan belia di negara ini.

Dengan langkah itu baharuilah peruntukan yang disalurkan kepada pertubuhan belia itu akan menjadi lebih tersusun, adil dan difikirkan lebih menepati matlamatnya untuk membolehkan pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini menjadi semakin maju berbanding langkah terbaru kerajaan PH itu.

Belanjawan yang tidak berguna

Namun kerajaan PH ternyata tidak mempedulikan semua itu untuk kepentingan belia di negara ini. Mereka kelihatan lebih

kerajaan PH untuk membela rakyat dan peningkatan drastik. Namun setelah pembentangan selesai dan diteliti satu persatu dalam buku Belanjawan 2020, ia ternyata hanyalah bajet yang tidak berguna.

Walaupun perkataan itu mungkin dikatakan keterlaluan dan tidak wajar digunakan oleh sesetengah pihak, tetapi mungkin bukan keterlaluan pula oleh pihak yang lain, memandangkan bejot tersebut langsung tidak memberikan sesuatu yang memenuhi harapan dan juga permintaan rakyat yang sekian lama ternanti-nantikannya.

Meskipun angka peruntukan kepada sekolah kebangsaan lebih besar, tetapi jika dibahagi-bahagikan, sekolah-sekolah kebangsaan hanya mendapat pembahagian yang cukup kecil disebabkan jumlahnya yang besar, berbanding peruntukan kepada sekolah-sekolah Cina yang ternyata mendapat pembahagian yang lebih banyak kerana bilangannya yang lebih kecil berbanding sekolah kebangsaan di seluruh negara.

Selain itu, peruntukan kepada golongan belia khususnya kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) juga langsung diabaikan oleh kerajaan PH sehingga